

19 MAR 1996

Tindakan

TINDAKAN TEGAS KE ATAS RAKYAT ASING YANG BINA RUMAH DI PERLIS

KANGAR, 19 Mac (Bernama) -- Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan tegas ke atas pendatang asing yang dikesan mendirikan petempatan mereka di negeri ini, kata Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim.

Beliau berkata, kerajaan negeri tidak akan membenarkan walaupun sebuah rumah pendatang asing didirikan di negeri ini sebaliknya akan bertindak menghantar pulang ke negara asal sekiranya mereka ditangkap.

Walaupun pendatang asing itu mempunyai wang tetapi mereka tidak layak tinggal di negeri ini, katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian bangunan pejabat wakil-wakil rakyat negeri di sini hari ini.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang meminta kerajaan-kerajaan negeri bertindak membersihkan penempatan pendatang asing jika terbukti dibangunkan secara haram.

Semasa ditanya mengenai langkah kerajaan negeri mengetatkan kawalan serta penguatkuasaan terhadap gejala pengubahsuaian rumah kos rendah, Shahidan berkata pihak berkuasa sedang mengawasi perbuatan itu.

Katanya, kerajaan negeri tidak mahu perbuatan itu dilakukan dengan sewenangnyanya kerana ada di kalangan pemilik rumah terbabit yang membina bahagian tambahan sehingga atas longkang atau tangki najis di belakang rumah.

Katanya, pengubahsuaian hanya dibenarkan sekiranya ada pelan-pelan yang diiktiraf oleh pihak berkuasa.

Bangunan pejabat wakil rakyat yang dirasmikan hari ini pada asalnya ialah pejabat Majlis Perbandaran Kangar yang berpindah ke bangunan baru. Bangunan itu menempatkan pejabat untuk kesemua enam anggota dewan undangan negeri yang bukan exco, tiga anggota parlimen dan tiga anggota dewan negara. -- BERNAMA

IQ CR